



SIARAN MEDIA

Program Pemerkasaan Usahawan Wira LTAT Catat Peningkatan Pendapatan 216% Dalam Kalangan Veteran ATM

Fokus Utama:

- i. Seramai 29 usahawan veteran ATM berjaya menamatkan Program Pemerkasaan Usahawan Wira LTAT 2024/2025 dengan purata peningkatan pendapatan sebanyak 216%;*
- ii. Fasa 2 dilancarkan bagi memperluas pelaksanaan program di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak, melibatkan lebih 35 usahawan veteran baharu; dan*
- iii. Syarikat Kumpulan LTAT memperkukuh ekosistem kebajikan warga ATM melalui inisiatif-inisiatif di bawah agenda Ekonomi MADANI dan GEAR-UP "Raise the Floor".*

BUTTERWORTH, PULAU PINANG, 17 OKTOBER 2025 – Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT") hari ini mencatat satu lagi pencapaian penting dengan kejayaan penutup Program Pemerkasaan Usahawan Wira LTAT 2024/2025 yang julung kali diadakan bagi memperkasa keupayaan sosioekonomi dan keusahawanan dalam kalangan veteran Angkatan Tentera Malaysia ("ATM").

Majlis ini, yang berlangsung bersempena Jelajah Wira LTAT 2025: Edisi Utara di Pangkalan Udara Butterworth, telah disempurnakan oleh YB Tuan Haji Adly Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan, bersama Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan bin Ariffin TUDM, Pengerusi LTAT, En. Mohamad Ashraf Md. Radzi, Ketua Eksekutif LTAT, Leftenan Jeneral Dato' Nur Hafis bin Abdul Karim TUDM, Timbalan Panglima Tentera Udara, dan Brigedier Jeneral Tan Lai Hock TUDM, Komander Pangkalan Udara Butterworth, serta wakil-wakil kanan dari Kementerian Pertahanan dan Syarikat Kumpulan LTAT.

Majlis turut menyaksikan pelancaran Program Usahawan Wira LTAT 2025/2026, yang akan diperluas pelaksanaannya ke negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak, selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI dan GEAR-UP "Raise the Floor" yang menekankan pemerkasaan ekonomi rakyat secara inklusif.

Fasa pertama program ini menunjukkan hasil yang memberangsangkan apabila seramai 29 usahawan veteran ATM berjaya menamatkan latihan dan bimbingan intensif selama enam (6) bulan dengan peningkatan purata pendapatan sebanyak 216%, di samping peningkatan ketara dari segi celik kewangan, kemahiran perniagaan dan daya saing pasaran. Selain kejayaan kewangan, program ini turut berjaya meningkatkan keyakinan diri, kesejahteraan keluarga dan semangat keusahawanan dalam kalangan peserta, melambangkan model pemerkasaan veteran yang menyeluruh dan mampan.

Menurut En. Mohamad Ashraf Md. Radzi, Ketua Eksekutif LTAT, “Program seperti Pemerkasaan Usahawan Wira LTAT ini mencerminkan visi jangka panjang kami dalam memperkasa kebajikan wira negara. Ia merupakan model pemerkasaan menyeluruh yang membina ketahanan dan kesejahteraan mampan dalam komuniti veteran ATM.”

Susulan kejayaan fasa pertama, LTAT kini melancarkan Usahawan Wira LTAT 2025/2026 yang akan melibatkan lebih 35 usahawan veteran ATM baharu melalui kerjasama dengan PERHEBAT. Fasa baharu ini akan menggabungkan sesi bimbingan digital dan fizikal selama enam (6) bulan dengan tumpuan kepada literasi kewangan, inovasi dan akses pasaran bagi memperkukuh perusahaan veteran di wilayah utara.

En. Mohamad Ashraf turut menegaskan bahawa Usahawan Wira merupakan manifestasi komitmen LTAT di bawah kerangka Ekonomi MADANI, dalam memperluas keterangkuman kewangan dan merencanakan pertumbuhan ekonomi seimbang melalui keusahawanan. “Kejayaan program ini membuktikan bahawa pemerkasaan ekonomi dan kemajuan sosial boleh bergerak seiring dalam satu ekosistem yang bersepadu,” tambah beliau.

Majlis turut menampilkan usaha bersepadu Syarikat Kumpulan LTAT dalam memperkukuh kesejahteraan komuniti ATM melalui pelbagai inisiatif syarikat pelaburan. Di bawah inisiatif Kem Santuni MADANI, BHPetrol telah melaksanakan projek penambahbaikan infrastruktur bernilai RM100,000 di KAFA Surau Al-Falah, Bagan Lalang, Butterworth, yang memberi manfaat kepada hampir 70 anak warga ATM dan penduduk sekitar.

Selain itu, YB Timbalan Menteri Pertahanan turut mengumumkan pelancaran Affin Perkasa oleh Affin Bank Berhad, iaitu rangkaian produk kewangan khusus untuk warga ATM, serta Program Kesetiaan Royale Warisan oleh Boustead Hotels & Resorts, yang menawarkan keistimewaan hospitaliti eksklusif kepada warga ATM dan keluarga mereka.

Kesemua inisiatif ini menyerlahkan komitmen padu LTAT dan Syarikat Kumpulannya dalam memperkukuh keselamatan kewangan, kesejahteraan komuniti dan kelestarian sosioekonomi warga pertahanan negara, selaras dengan semangat aspirasi Ekonomi MADANI. LTAT kekal teguh dengan misinya untuk melindungi, memperkasa dan mengangkat martabat komuniti ATM, daripada khidmat, kepada kejayaan, dan seterusnya.

-TAMAT-

Mengenai Lembaga Tabung Angkatan Tentera (“LTAT”)

Ditubuhkan pada Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera (Akta 101), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (“LTAT”) adalah sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab menguruskan dana persaraan bagi pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (“ATM”) serta para veteran. Untuk maklumat lanjut mengenai LTAT, layari www.ltat.gov.my.

PERHUBUNGAN MEDIA

Izzat Alhadjri

Pengarah,

Ketua Komunikasi Strategik

E-mel : izzat.alhadjri@ltat.gov.my

No. Tel : +603- 4815 8888

Laman web : www.ltat.gov.my